

# 15 tukun tiruan dilabuh

Sinar Harian 31/7/2018 m/s 21

**Usaha tingkat produktiviti biologi dan sumber perikanan**

ROHANA ISMAIL

TUMPAT

Jabatan Perikanan Negeri Kelantan melabuhkan 15 tukun tiruan bernilai RM297,531 bagi melindungi spesies ikan di zon A.

Pengarah Jabatan Perikanan Kelantan, Anuar Salam Sulaiman berkata, tukun tersebut dilabuhkan di kedudukan 4.5 batu nautika dari Kuala Besar di perairan Tumpat.

"Kita labuhkan tukun tiruan kuboid dasar lembut penghalang pukut tunda di perairan Tumpat ini.

"Pembinaan tukun tiruan di bawah peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE) dan Peruntukan Pembangunan Tukun Tiruan.

"Tujuannya untuk memulih dan melindungi spesies serta menyediakan kawasan pembiakan ikan dan hidupan marin yang lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas tukun tiruan dilabuhkan di perairan laut Kelantan dekat Tumpat, semalam.

Turut hadir, Timbalan Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan


info

Tukun tiruan mampu memulihkan dan melindungi spesies serta menyediakan kawasan pembiakan ikan dan hidupan marin lain.

Alam Sekitar, Abdul Aziz Abdul Kadir

Sementara itu, Abdul Aziz berkata, dia menyambut baik usaha Jabatan Perikanan membangunkan tukun tiruan yang memberi manfaat kepada nelayan.

Menurutnya, kerajaan negeri juga akan membantu apabila ujam gergasi dengan peruntukan sebanyak RM200,000 dipasang di pe-



Tukun tiruan dilabuhkan di perairan Tumpat di kedudukan 4.5 batu nautika dari Kuala Besar.

rairan negeri ini.

"Bulan Ogos ini unjam gergasi dipasang, ia melibatkan empat daerah iaitu Kota

Bharu, Tumpat, Bachok dan Pasir Puteh," katanya.

Beliau berkata, dengan adanya tukun tiruan dan

unjam di perairan negeri ini ia tentu dapat meningkatkan

hasil tangkapan nelayan tempatan.